
Modul
ICT DALAM PENDIDIKAN
***Potensi Penggunaan Perisian VCD Cutter dan Windows Movie Maker:
Satu Pengenalan Dan Pendedahan Dalam P&P Geografi***

Oleh
Augustine Towonsing
Cikgu_Augustine@Hotmail.com, www.cikguaugustine.net
Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun,
Kedah Darul Aman.

Modul Ini Dibentangkan Di Dalam
Kursus Dalaman Panitia Geografi
Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun

Tempat
Makmal Komputer
Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun

Masa
8.30 – 11.30 Tengah hari.

Tarikh
Sabtu, 8 April 2006

Kategori : *Pendidikan ICT*
Keperluan : *WinXP, VCD Cutter Versi 4.04 dan Windows Movie Maker 5.0*
Tahap Pengguna : *Beginner/Intermediate*

ICT Dalam Pengurusan Pendidikan.
© 2006. Augustine Towonsing. Hak cipta terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian modul ini boleh dicetak semula atau ditiru kecuali dengan kebenaran penulis.

Cetakan Pertama
Mac, 2006.

Suntingan Pertama
April, 2006

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Pengenalan	1
Kenapa Mengajar Geografi?	1
ICT Dalam Pendidikan	
Kelebihan	2
Kekangan/Masalah Pelaksanaan	
Mengajar Geografi Dengan Klip Video	
Pemilihan adegan VCD untuk P&P	3
Pengenalan Kepada Perisian VCD Cutter Dan Windows Movie Maker	
Pengenalan Kepada Perisian VCD Cutter Versi 4.04	4
Membuka Fail VCD, Membina Klip Video dan Menyimpan	
Memulakan kerja	5
Membina dan Menyimpan Klip Video	5
Pengenalan Kepada Perisian Windows Movie Maker Versi 5.1	7
Capture Video	8
Edit Movie	8
Memasukkan klip video ke dalam Time Line	9
Memasukkan Video Transition	10
Memasukkan Video Effect	11
Memasukkan <i>Title or Credit</i>	12
Finish Video – Menghasilkan Movie	13
Penyediaan Dan Penyeliaan Bahan Sokongan Untuk Aktiviti Kelas	15
Kesimpulan	15
Sumber Rujukan	

MODUL KURSUS
POTENSI PENGGUNAAN PERISIAN VCD CUTTER DAN WINDOWS MOVIE MAKER:
Satu Pengenalan dan Pendedahan Dalam P&P Geografi.

Oleh
Augustine Towonsing
Cikgu_Augustine@Hotmail.com, www.cikguaugustine.net
Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun,
Kedah Darul Aman.

Pengenalan.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mempunyai kaitan yang sangat erat dengan hubungan *interpersonal* di antara guru-pelajar. Manakala, penggunaan teknologi di dalam P&P membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan yang lebih luas pada kadar yang kerap dalam pembelajaran berpusatkan pelajar dengan kawalan guru. Lanjutan daripada itu, apa yang penting ialah pengajaran guru berasaskan penggunaan teknologi sebagai satu usaha membantu pelajar membina pengetahuan sendiri melalui P&P berasaskan pembelajaran kemahiran berfikir iaitu pengajaran guru beralih daripada pengajaran memindahkan pengetahuan kepada proses membina pengetahuan (MCEETYA, 2000)

Walau bagaimanapun, kajian-kajian awal ahli akademik terhadap pencapaian dan minat di kalangan mata pelajaran Geografi memperlihatkan bahawa pencapaian pelajar terhadap Geografi masih tidak memuaskan dan tanggapan pelajar terhadap mata pelajaran Geografi sebagai satu mata pelajaran yang sukar (Wan Rozali, 2003). Tambahan pula, P&P guru-guru Geografi yang tidak efektif (Shuki, 2003), berbentuk tradisional (Idris, 1992 dalam Wan Rozali, 2003) dan pengajaran dengan kaedah 'Chalk-and-talk' (Wan Rozali, 2002 dalam Wan Rozali 2003).

Sebagai kesimpulan, masalah ini dikaitkan dengan konsep MIND-BODY-SOUL = POSITIVE ATTITUDE di mana konsep ini sudah ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Negara melalui konsep JERI namun konsep ini gagal difahami oleh kebanyakan orang yang menyebabkan kefahaman tentang sesuatu perkara menjadi kabur dan dalam konteks P&P objektif pembelajaran tidak tercapai.

Kenapa Mengajar Geografi?

Pendidikan Geografi sangat penting di dalam pembangunan sesebuah negara dan amat ditekankan di negara-negara maju seperti Amerika dan Britain yang menganggap Geografi sebagai alat penting dalam teras pembangunan negara (Mohd. Faris, 2003; Mohamad dan Mohmadisa, 2003).

Malahan dalam era komunis di negara Poland dan Timur Tengah Eropah, Geografi dijadikan sebagai ideologi yang dianggap paling berkesan bagi menunjukkan pencapaian kemajuan dan pembangunana ekonomi (Danuta dan Mariola, 2003; Antal, 2003). Manakala di dalam konteks pembangunan negara Indonesia, Geografi dijadikan sebagai ilmu dalam membantu

pembangunan negara dan Geografi diberi pengiktirafan penting sebagai salah satu aspek dalam lapan wawasan negara (Prof. Kardono Darmoyuwono, 1982).

Bagaimana pula senario mata pelajaran Geografi di negara kita?

ICT Dalam Pendidikan.

Pendidikan yang bermakna ialah pendidikan yang membawa kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh yang boleh digunakan oleh individu menjalani kehidupan seharian. Tetapi, dalam konteks pendidikan masa kini di negara kita nampaknya ia lebih menjurus kepada kebolehan INTELEK semata-mata walaupun pada asasnya FPN menegaskan tentang konsep perkembangan individu melalui konsep JERI.

ICT dalam pendidikan bermakna penggunaan kemajuan teknologi moden sebagai alat pemangkin perkembangan dunia pendidikan melalui teknologi maklumat melalui ruang maya atau apa-apa media penyebaran dan penyampaian maklumat sama ada dalam bentuk audio, video dan data dan bertepatan sebagai aplikasi penggunaan peralatan teknologi pendidikan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengajaran dan pembelajaran (Wan Rozali, 2004).

Dalam pelaksanaan ICT dalam proses pengajaran pembelajaran, penggunaan sistem teknologi pendidikan melibatkan lima komponen 5M yang saling berkaitan:

1. Machine
2. Materials
3. Media
4. Man power
5. Method

Kelebihan:

Dalam konteks P&P penggunaan ICT dapat:

1. Mempelbagaikan kaedah P&P guru.
2. Menarik minat pelajar jika direka bentuk dengan baik.
3. Membantu kefahaman pelajar terhadap konsep abstrak.
4. Bahan boleh disimpan dan digunakan semula.
5. P&P akses sendiri.
6. P&P lebih menyeronokkan.

Kekangan/Masalah Pelaksanaan:

1. Memerlukan kepakaran.
2. Penyediaan memerlukan waktu yang banyak.
3. Pelaksanaan dipengaruhi oleh faktor luaran – Input fizikal.
4. Hanya berperanan sebagai alat sokongan penyampaian maklumat/fakta.

Mengajar Geografi Dengan Klip Video.

Dalam aspek pengajaran penggunaan klip video dalam P&P bermakna guru telah menggunakan ICT dalam proses P&P. Manakala dalam konteks pembelajaran pelajar telah menggunakan ICT dalam proses pembelajaran dan dalam konteks teknologi video klip merupakan elemen teknikal yang digunakan oleh manusia untuk meningkatkan kemajuan diri dan persekitarannya. Di mana, video klip ini digunakan sebagai elemen teknikal untuk meningkatkan motivasi dan persekitaran pembelajaran.

Klip video merupakan hasil daripada penggunaan VCD Cutter daripada filem-filem terpilih untuk tujuan P&P di mana klip video pula boleh disambung dan disunting untuk dijadikan sebagai satu bahan P&P.

Pemilihan Adegan VCD untuk P&P.

Perisian VCD cutter dan Windows Movie Maker boleh digunakan secara bersama dengan pendekatan P&P bercorak Problem Base Learning (PBL) yang berteraskan inkuiri penemuan kerana perisian ini adalah mesra guru dan bukan sekadar meningkatkan motivasi tetapi boleh membantu kefahaman pelajar. Di mana penggunaan perisian ini boleh digunakan dalam tajuk-tajuk tertentu di dalam mata pelajaran Geografi seperti :-

1. BMB dan potensi.
2. Cuaca, Iklim dan Pengaruhnya.
3. Tumbuhan semulajadi.
4. Dinamik Penduduk.
5. Penempatan dan Perkembangan
6. Pengangkutan dan Perhubungan
7. Kegiatan ekonomi.

Pemilihan adegan di dalam VCD bergantung kepada kreativiti dan juga keperluan sesuatu P&P mengikut kehendak guru.

Pengenalan kepada perisian VCD Cutter dan Window Movie Maker.

ICT sangat berpotensi digunakan sebagai alat dalam proses P&P yang bukan sahaja memudahkan penyampaian tetapi dapat menarik minat pelajar.


1. Pengenalan kepada Perisian VCD Cutter Versi 4.04.

Perisian ini merupakan satu perisian yang sangat sesuai untuk digunakan untuk memotong adegan terpilih di dalam filem VCD untuk tujuan P&P dalam tajuk terpilih di dalam mata pelajaran Geografi.



Rajah 1: Perisian VCD Cutter Versi 4.04

Membuka fail VCD, Membina klip dan Menyimpan.




1. Memulakan Kerja:


1. Klik Menu File.
2. Pastikan VCD telah dimasukkan di dalam CDROM – Klik Menu *Play VCD*.

Rajah 2: Memulakan Kerja.

2. Membina Klip Video.




Rajah 3: Bar Alatan Penting.



Rajah 4: Proses Membina klip video.

2. Membina Klip Video.

1. Mulakan VCD.
2. Klik *Clip Mark In* dan biarkan semua paparan video yang dikehendaki dipaparkan.
3. Klik *Clip Mark Out*.
4. Klik ikon *Add To Clip List*.
5. Klik ikon *Make Clips*.
6. Namakan klip video.
7. Klik arahan *Save* seperti Rajah 5.




Rajah 5: Simpan fail pada lokasi yang ditetapkan.

Pengenalan kepada Perisian Windows Movie Maker Versi 5.1.

Perisian ini merupakan perisian pasang siap dalam Windows XP Service Release 2 tetapi boleh juga dipasang dalam komputer yang tidak mempunyai perisian ini dengan menggunakan SETUP FILE.

Secara umum perisian ini digunakan untuk *capture* frame video daripada perakam video, menyunting dan menghasilkan video dalam beberapa format.

Perisian ini bukan sahaja boleh membina sebuah filem daripada gambar bergerak tetapi juga boleh membina filem dengan menggunakan gambar foto.




Rajah 6: Antara muka Perisian Windows Movie Maker Versi 5.1.

Capture Video, Edit dan Finish.

Menghasilkan satu movie untuk satu sesi P&P boleh dilakukan dengan berdasarkan kepada clip video yang telah dibuat dengan menggunakan perisian VCD Cutter dengan proses 1, 2 dan 3 iaitu import video (Capture), Edit dan Finish (hasil).

1. Capture Video.

Langkah ini merupakan langkah mengimport fail video sama ada daripada perakam video, gambar dan audio daripada cakera keras ke dalam perisian. Dalam modul ini pilihan ialah *import video*...



Rajah 7: Mengimport video.

Langkah:

1. Klik pilihan *Import Video*
2. Tandakan kotak *Create clips for video files*.
3. Klik butang *Import*.

2. Edit Movie.

Peringkat ini merupakan peringkat penting bagaimana sesuatu movie boleh dihasilkan untuk satu tujuan P&P di dalam kelas berdasarkan kepada tajuk dan keperluan – sama ada sebagai sebahagian daripada P&P atau sebagai pengayaan self learning.


Dalam peringkat ini rekabentuk movie bergantung kepada objektif dan juga kumpulan sasaran di mana guru perlu memiliki daya kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan satu movie yang berperanan sebagai alat membantu pelajar memotivasikan diri dan menumpukan perhatian kepada P&P guru.

Jika guru memilih video sebagai kaedah dalam P&P maka penghasilan movie perlu 3 elemen penting iaitu *Tajuk, Isi dan Penutup*.

Dalam proses ini akan melibatkan 4 aktiviti penting iaitu:-

1. Memasukkan video ke dalam *Time Line*.
2. Add *Video Transition*
3. Add *Video Effect*
4. Make *Title or Credit*

2.1 Memasukkan klip video ke dalam Time Line.




Rajah 8: Proses Drag & Drop.

Langkah:

1. Klik klip yang dikehendaki, heret dan masukkan pada ruang *Time Line* –Rajah 8.


2.2 Memasukkan Video Transition.

Transition bermaksud bagaimana peralihan dari satu klip ke klip yang lain. Penggunaan transition penting untuk memberi kesan khas semasa video dimainkan di mana transition ini mestilah diletakkan di dalam Transition slot.



Rajah 9: Time Line dan Video Transition slot.

Transition Slot



Rajah 10: Memasukkan Transition Effect.


Langkah:

Di bawah Menu *Edit Video*:

1. Klik pilihan *View Video Transition*.
2. Pilih transition yang dikehendaki
3. Heret dan masukkan pada slot Video Transition


2.3 Memasukkan Video Effect.

Video Effect merupakan satu gaya persembahan sesuatu klip video semasa ditayangkan yang dimasukkan untuk kesan khas yang boleh menarik perhatian.



Video Effect Slot


Rajah 11: *Time Line dan Video Effect Slot.*



Rajah 12 : Memasukkan Video Effect.

2.3 Memasukkan *Title or Credit*.


Title atau Credit merupakan kesan khas dalam bentuk tulisan digunakan untuk memaparkan tajuk atau maklumat tambahan kepada klip video.



Rajah 13: Proses memasukkan tajuk.

Langkah:

1. Pilih klip yang hendak dimasukkan maklumat tambahan.
2. Pilih jenis tajuk yang hendak dibuat.
3. Klik pilihan dan masukkan maklumat.




Rajah 14: Maklumat Tambahan dalam tajuk.

3. Finish Video – Menghasilkan movie.

Peringkat ini merupakan peringkat akhir untuk menghasilkan satu video yang lengkap untuk tujuan P&P. Selepas kerja-kerja suntingan dan anda berpuas hati dengan hasil anda boleh menghasilkan video gabungan semua klip video dalam satu fail.

Langkah:

1. Klik arahan *Save to My Computer* di bawah menu utama *Finish Movie*.
2. Namakan movie anda dan klik *Next*.
3. Pilih pilihan format fail – saiz besar kualiti tinggi dan sebaliknya dan klik *Next* untuk menyimpan fail.



Rajah 15: Proses membina movie fail.

Penyediaan dan penyeliaan bahan sokongan untuk aktiviti kelas.

Jika seseorang guru Geografi merancang P&P berasaskan inkuiri penemuan sebagai satu langkah pendedahan kepada pelajar mengenai sesuatu topik maka slot 30 minit boleh digunakan untuk tayangan video tajuk berkaitan.

Untuk aktiviti, guru boleh memilih aktiviti berkumpulan atau individu mengikut kesesuaian. Dalam contoh untuk kursus ini aktiviti individu dibuat untuk klip video Pengenalan Sistem Pengangkutan – sila rujuk Lampiran 1.

TINGKATAN: 2A

TAJUK : PERKEMBANGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN.

BBM : KLIP VIDEO, KOMPUTER, LCD.

MASA : 1 JAM

OBJEKTIF :

1. MENGENALPASTI JENIS-JENIS PENGANGKUTAN TRADISIONAL DAN MODEN.
2. MEMBERIKAN 3 PERBEZAAN/PERSAMAAN 2 JENIS PENGANGKUTAN.
3. MENYATAKAN 3 KEPENTINGAN SISTEM PENGANGKUTAN.

AKTIVITI;

1. Menayangkan klip video sistem pengangkutan. Pelajar memberikan perbezaan sistem pengangkutan yang ditayangkan.
2. Penerangan tentang jenis-jenis pengangkutan dan tayangan klip video.
3. Pelajar dibahagi kepada kumpulan kecil membincangkan penemuan berdasarkan soalan.
4. wakil kumpulan membentangkan hasil.
5. Guru membuat rumusan.
6. Aktiviti susulan.

Kesimpulan.

Pendekatan P&P secara konvensional memang mempunyai keistimewaan tertentu jika P&P berasaskan kecerdasan pelbagai. Oleh kerana mata pelajaran Geografi merupakan mata pelajaran yang dinamik dan berkembang mengikut ruang dan masa maka penyampaian memerlukan inovasi (Main, 2004).

Video klip sebenarnya merupakan satu alternatif berkesan kerana ia sudah melalui proses suntungan dan direka bentuk mengikut objektif P&P yang dikehendaki oleh guru.

Rujukan.

- Antal Nemerkenyi. (2003). The Status Of Geography in the Hungarian Education System. *International Research in Geographical and Environmental Education*, Vol.12,2003.
- Danuta Pirog dan Mariola Tracz. (2003). The Status of Geography in the Polish Education System. *International Research in Geographical and Environmental Education*, Vol.12,2003.
- Idris Md. Noor. (1992). *Kurikulum Geografi Sekolah Menengah Malaysia: Satu Analisis Empirikal* dalam Wan Rozali Wan Hussin. (2003). Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Geografi Di Peringkat Menengah Atas Masa Kini. *Prosiding Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan: Memartabatkan Pendidikan Geografi Dalam Arus Pembangunan Perdana*. Kompleks Dewan Kuliah SK 1,2&4, Universiti Sains Malaysia, 18 Januari 2003.
- Kardono Darmoyuwono.(1982). “Pengantar Sidang Redaksi.”, dalam Bintaro R dan Surastopo. (1982). *Metode Analisa Geografi*. Jakarta Barat: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonom dan Sosial. Hlm. Pengantar Sidang Redaksi.
- Main Rindam. (2004). ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Geografi: Keberkesanan Perisian VCD Cutter Untuk Pembelajaran Penerokaan (Exploratory). *Prosiding Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan II: ICT Menjana Keutuhan Geografi Di Sekolah*. Dewan Persidangan Universiti Sains Malaysia, 14-15 Julai 2004.
- MCEETYA. (2000). 10 A quality management approach to whole-school reform, Apollo Parkways Primary School, Victoria. Online diperoleh dari http://online.curriculum.edu.au/anr2000/index.asp?p=&pg=ch10_case10.htm
- Mohd. Faris Dziauddin. (2003). Literasi Geografi Di Malaysia: Kajian Kes Di Kalangan Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Prosiding Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan: Memartabatkan Pendidikan Geografi Dalam Arus Pembangunan Perdana*. Kompleks Dewan Kuliah SK 1,2&4, Universiti Sains Malaysia, 18 Januari 2003.
- Shuki Osman. (2003). Pemikiran Disiplin Geografi: Perbezaan Keupayaan Pelajar Berasaskan Kualiti Pengajaran dan Hubungannya Dengan Kefahaman Terhadap Geografi Sekolah. *Digest Pendidik*, Jilid 3, Bil. 1/2003. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.
- Wan Rozali Wan Hussin. (2002). Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah Menengah Atas: Kajian Kes Di Sekolah-sekolah Terpilih Di Semenanjung Malaysia. *Prosiding Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan: Memartabatkan Pendidikan Geografi Dalam Arus Pembangunan Perdana*. Kompleks Dewan Kuliah SK 1,2&4, Universiti Sains Malaysia, 18 Januari 2003.
- _____ . (2003). Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Geografi Di Sekolah Menengah Atas Masa Kini. *Prosiding Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan: Memartabatkan Pendidikan Geografi Dalam Arus Pembangunan Perdana*. Kompleks Dewan Kuliah SK 1,2&4, Universiti Sains Malaysia, 18 Januari 2003.